

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[LEMBAH PANTAI]**

TARIKH : 17 MEI 2016

SOALAN :

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah penoreh getah yang menerima Insentif Pengeluaran Getah mengikut negeri dari tahun 2015 hingga April 2016; dan
- (b) senarai syarikat yang menawarkan harga getah SMR20 yang akan menentukan harga getah harian.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Insentif Pengeluaran Getah (IPG) merupakan inisiatif Kerajaan bagi memastikan para pekebun kecil getah menikmati pendapatan minima dalam keadaan-keadaan penurunan harga getah. Selain itu, ianya bertujuan menggalakkan para pekebun kecil getah meneruskan aktiviti-aktiviti penorehan dan memastikan bekalan bahan mentah kepada industri hiliran tidak terjejas.

IPG telah mula dilaksanakan pada bulan Oktober 2015 dan sehingga 30 April 2016, seramai 107,930 pekebun kecil telah menerima manfaat dari pelaksanaan dengan jumlah bayaran sebanyak RM16.5 juta. Pecahan penerima mengikut negeri adalah seperti berikut:

a.	Johor	:	7,120 penerima
b.	Kedah	:	2,802 penerima
c.	Kelantan	:	8,160 penerima
d.	Melaka	:	2,835 penerima
e.	Negeri Sembilan	:	2,689 penerima
f.	Pahang	:	4,744 penerima
g.	Perak	:	4,752 penerima
h.	Perlis	:	158 penerima
i.	Pulau Pinang	:	20 penerima

j.	Selangor	:	498 penerima
k.	Terengganu	:	1,819 penerima
l.	Sabah	:	72,049 penerima
m.	Sarawak	:	284 penerima

Tuan Yang Di-Pertua,

- (b) Lembaga Getah Malaysia (LGM) menyediakan dan menyebarkan harga getah bagi semua gred SMR dan Lateks Pukal sebanyak dua kali setiap hari urusan, iaitu harga rasmi jam 12.00 tengahari dan harga penutup jam 5.00 petang. Walau bagaimanapun, harga yang dikeluarkan oleh LGM sebagai rujukan tersebut tidak semestinya diikuti oleh pembeli dan penjual kerana harga sebenar bergantung kepada rundingan pihak pembeli dengan penjual.

Bagi harga getah SMR20, ianya ditetapkan berdasarkan antara lain, urusan yang dilaporkan kepada LGM oleh syarikat-syarikat pemproses dan pedagang getah yang aktif dan utama dalam industri getah.

Sekian, terima kasih.

SOALAN (66)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 17 MEI 2016
[SELASA]**

**DARIPADA : Y.B. DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD
[LANGKAWI]**

SOALAN :-

Y.B. DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD [LANGKAWI] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah usaha yang dijalankan oleh pihak Kementerian dalam membantu peminjam yang telah meminjam wang dari institusi pinjaman wang berlesen.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua peminjam wang dari institusi pinjaman wang berlesen dilindungi oleh Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [Akta 400]. Sekiranya peminjam wang tersebut telah dikenakan kadar faedah yang lebih tinggi daripada kadar yang dibenarkan atau tiada borang perjanjian pinjaman *standard* ditandatangani, maka perkara ini boleh dirujuk ke Kementerian untuk tindakan penyiasatan. Bagi peminjam yang tidak mampu membayar balik pinjamannya, perkara ini bolehlah dirujuk kepada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mei 2016

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 17 MEI 2016
[SELASA]

DARIPADA : Y.B. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY
[KOTA KINABALU]

SOALAN :-

Y.B. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY [KOTA KINABALU] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan purata harga rumah di Kota Kinabalu berbanding dengan pendapatan median individu warga Kota Kinabalu. Nyatakan statistik tersebut berbanding negeri lain untuk tiap-tiap tahun sejak 2010.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, menurut *Laporan Making Housing Affordable* oleh Khazanah Research Institute (KRI) pada tahun 2014, median harga rumah di Malaysia ialah **RM242,000** berbanding dengan negeri Sabah iaitu sebanyak **RM230,000**. Manakala median pendapatan nasional adalah **RM55,020** berbanding dengan median pendapatan tahunan di Sabah sebanyak **RM44,940**. Data KRI juga menunjukkan bahawa negeri Sabah mencatatkan harga rumah keenam tertinggi selepas Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang, Johor dan Terengganu.

Kenaikan harga rumah sebenarnya dipengaruhi oleh pelbagai faktor, antaranya kos tanah, lokasi, kos bahan binaan dan buruh serta aktiviti spekulasi. Malaysia mengamalkan sistem pasaran ekonomi terbuka dan ianya turut melibatkan sektor hartanah dalam negara di mana harga rumah ditentukan oleh aspek penawaran dan permintaan. Kerajaan telah melaksanakan beberapa inisiatif dan insentif bagi menstabilkan harga

rumah ini bagi membolehkan harga rumah berada dalam keadaan stabil dan membolehkan rakyat mampu memiliki rumah, antaranya:

- a) Menaikkan kadar Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) mulai Januari 2014;
- b) Menaikkan harga jualan minimum rumah yang boleh dibeli oleh warga asing kepada RM1 Juta seunit;
- c) Mensyaratkan pemaju untuk mempamerkan ketelusan harga jualan hartanah secara terperinci termasuk semua manfaat/ insentif yang bakal diberikan kepada pembeli;
- d) Melarang pemaju melaksanakan kaedah pemasaran berasaskan *Developer Interest Bearing Scheme* (DIBS) yang dikhuatiri boleh mengelirukan dan seterusnya memanipulasi pembeli rumah;
- e) Mewajibkan *semua* pemaju untuk melaporkan pembelian pukal yang melebihi 4 unit hartanah dalam satu pemajuan oleh mana-mana individu mahupun syarikat; dan
- f) Mengeluarkan panduan mengenai *Loan To Value* (LTV) bagi pembelian rumah ketiga dan seterusnya di mana pembeli hanya akan memperoleh pinjaman maksima 70% sahaja.

Selain daripada itu, dalam memastikan lebih banyak Rumah Mampu Milik (RMM) disediakan dalam pasaran, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah berikut :

- a) Memperkenalkan Program Penyediaan 1Juta Rumah Mampu Milik bagi tempoh 5 tahun;
- b) Memperkemas definisi RMM kepada rumah berharga sehingga RM300 ribu sahaja. Dengan ini, rakyat boleh menilai prospek rumah dengan lebih baik di samping memudahkan Kerajaan untuk mengenal pasti pemaju yang sengaja mengelak dari menyediakan RMM yang menjadi keperluan rakyat pada masa ini; dan
- c) Membuka lebih banyak peluang pemilikan RMM melalui pelbagai skim yang diperkenalkan contohnya Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (MyHome) dan Skim MyDeposit dan lain-lain lagi.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mei 2016